

AKTIVITI / PROGRAM

MAJLIS BERSAMA JABATAN

KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN MAJLIS BERSAMA JABATAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

23 HINGGA 24 NOVEMBER 2025

DE' MOCCIS LAKE RESORT TELUK INTAN

Kursus Pengukuhan Pasukan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KUSKOP, merupakan satu inisiatif strategik yang telah diadakan pada 23 hingga 24 November 2025 di De MOCCIS Lake Resort Teluk Intan, Perak. Program ini amat signifikan kerana menggabungkan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3 Tahun 2025 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam satu kerangka pembangunan organisasi yang lebih menyeluruh. Ianya menjadi platform rasmi bagi pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 3 Tahun 2025, iaitu wadah rasmi bagi penyelarasan dalaman jabatan serta tadbir urus organisasi.

Selain melaksanakan fungsi pentadbiran, objektif utama program ini adalah untuk memperkukuh semangat berpasukan melalui peningkatan kerjasama, persefahaman dan sinergi antara pelbagai bahagian di Kementerian. Sebagai sebuah kursus, program ini menyediakan persekitaran yang kondusif untuk latihan, perkongsian ilmu rasmi serta pembangunan kemahiran komunikasi dan pengucapan awam yang penting dalam meningkatkan kompetensi pegawai.

Penekanan diberikan kepada dua (2) teras utama Kementerian iaitu kewangan dan pembangunan yang menunjukkan bahawa sebahagian daripada pengisian kursus memberi tumpuan kepada penambahbaikan amalan pengurusan dalam kedua-dua bidang tersebut. Pemilihan De MOCCIS Lake Resort Teluk Intan sebagai lokasi program bertujuan menyediakan suasana yang lebih kondusif, neutral dan bebas daripada gangguan rutin pejabat, sekali gus menggalakkan interaksi, perbincangan serta kerjasama yang lebih berkesan dalam kalangan peserta.











